

---

**GARIS PANDUAN  
PENGURUSAN SEKOLAH/INSTITUSI  
PENDIDIKAN BAWAH  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
DALAM BULAN RAMADAN**

---

## KANDUNGAN

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
<b>1.</b>	<b>Pendahuluan</b>	<b>3</b>
<b>2.</b>	<b>Pengurusan Aktiviti Bulan Ramadan Di Sekolah</b>	
2.1	Pengurusan Aktiviti Ihya' Ramadan	5
	2.1.1 Berbuka Puasa, Moreh dan Sahur	5
	2.1.2 Solat Tarawih	6
	2.1.3 Tazkirah/Ceramah	7
	2.1.4 Tadarus Al-Quran	7
	2.1.5 Qiamullail	8
<b>3.</b>	<b>Pengurusan Aktiviti Bulan Ramadan Di Institut Pendidikan Guru dan Kolej Matrikulasi</b>	
3.1	Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran serta Aktiviti Pelajar	10
3.2	Pengurusan Masjid/Surau	10
3.3	Pengurusan Aktiviti Ibadah	11
	3.3.1 Solat Tarawih Berjemaah	11
	3.3.2 Aktiviti Ihya' Ramadan (Ceramah Ramadan)	12
	3.3.3 Qiamullail dan Tadarus Al-Quran	12
3.4	Pengurusan Makanan dan Pengoperasian Kafetaria	13
	3.4.1 Pengoperasian Kafetaria	13
	3.4.2 Berbuka Puasa, Moreh dan Sahur	14
	3.4.3 Bazar Ramadan	14
	3.4.4 Pembelian Makanan Secara Dalam Talian	14

## 1. Pendahuluan

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan sekolah/institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dalam pengurusan sepanjang bulan Ramadan.

- 1.1 Dokumen ini adalah panduan tambahan (annex) kepada:
  - a. Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah Dalam Norma Baharu 2.0 yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 9 Februari 2021; dan
  - b. Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Institut Pendidikan Guru dan Kolej Matrikulasi Dalam Norma Baharu.
- 1.2 Panduan ini juga perlu dibaca bersama surat pekeliling ikhtisas, surat siaran dan arahan serta peraturan berkaitan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa.
- 1.3 Panduan ini merangkumi tatacara pengurusan sekolah, Institut Pendidikan Guru (IPG) dan Kolej Matrikulasi sepanjang bulan Ramadan.

---

## **PENGURUSAN AKTIVITI BULAN RAMADAN DI SEKOLAH**

---

## **2.1 Pengurusan Aktiviti Ihya' Ramadan**

### **2.1.1 Berbuka Puasa, Moreh dan Sahur**

- 2.1.1.1 Pelaksanaan berbuka puasa, moreh dan sahur terpakai kepada sekolah berasrama sahaja.
- 2.1.1.2 Pihak sekolah hendaklah memastikan kapasiti tempat berbuka puasa, moreh dan sahur mencukupi dengan mengambil kira penjarakan fizikal.
- 2.1.1.3 Pihak sekolah dibenarkan menggunakan mana-mana bilik yang sesuai untuk dijadikan ruang makan tambahan kepada dewan makan dengan mematuhi tatacara Perkara 5, Pengurusan Asrama Sekolah di para 5.4 - Pengurusan Dewan Makan Asrama dalam Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah Dalam Norma Baharu 2.0.
- 2.1.1.4 Kaedah penggiliran bagi moreh dan sahur boleh dilaksanakan sekiranya pihak sekolah menghadapi kesukaran untuk menyediakan ruang makan yang dapat menampung kapasiti semua murid pada masa yang sama.
- 2.1.1.5 Penyediaan makanan boleh disajikan secara bufet, hidangan individu atau berbungkus.
- 2.1.1.6 Pekerja dewan makan/pramusaji sahaja dibenarkan untuk mencedok makanan.
- 2.1.1.7 Pihak luar yang ingin menyumbang berbuka puasa, moreh dan sahur perlu mendapat kebenaran pihak pengurusan sekolah.

2.1.1.8 Sebarang bentuk sumbangan makanan daripada pihak luar hendaklah diuruskan mengikut *standard operating procedure* (SOP) sedia ada.

2.1.1.9 Pelaksanaan berbuka puasa perdana tidak dibenarkan.

## 2.1.2 Solat Tarawih

2.1.2.1 Pelaksanaan solat tarawih terpakai kepada sekolah berasrama sahaja

2.1.2.2 Solat tarawih berjemaah boleh dilaksanakan dengan mematuhi SOP sedia ada.

2.1.2.3 Solat tarawih berjemaah hendaklah dilaksanakan sebanyak 8 rakaat dengan bacaan surah-surah atau ayat-ayat pendek.

2.1.2.4 Sekiranya ruang surau tidak dapat menampung kapasiti jemaah pada satu-satu masa, pihak sekolah dicadangkan menggunakan kaedah seperti berikut:

### a. Kaedah penggiliran

- i. Pelaksanaan solat tarawih di surau secara penggiliran mengikut kesesuaian sekolah.
- ii. Jadual penggiliran perlu disediakan bagi memastikan pergerakan murid terkawal.
- iii. Solat tarawih berjemaah perlu ringkas agar dapat memberi ruang kepada jemaah yang lain.

### b. Kaedah serentak

- i. Pelaksanaan solat tarawih secara serentak di beberapa lokasi yang berbeza.

- ii. Pihak sekolah boleh menggunakan surau dan bilik (*dorm*) atau bilik-bilik khas dalam satu-satu masa mengikut kapasiti ruang dan garis panduan sedia ada.

2.1.2.5 Walau bagaimanapun, murid/pelajar boleh mendirikan solat tarawih secara bersendirian di bilik (*dorm*) atau bilik-bilik khas yang telah ditentukan oleh pihak sekolah.

- i. Jadual solat hendaklah disediakan sebagai instrumen kawalan.
- ii. Jadual bertugas pemantauan perlu disediakan.

### 2.1.3 Tazkirah/Ceramah

2.1.3.1 Pelaksanaan tazkirah/ceramah di surau adalah tertakluk kepada SOP Jabatan Agama Islam Negeri masing-masing berkaitan Ihya' Ramadan.

2.1.3.2 Tazkirah/ceramah sepanjang pelaksanaan solat sunat tarawih tidak dibenarkan.

2.1.3.3 Pihak sekolah juga boleh melaksanakan tazkirah selama 10 minit sebelum pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam kelas masing-masing atau melalui siaraya.

2.1.3.4 Pentazkirah/penceramah hanya dibenarkan dalam kalangan warga sekolah sahaja.

### 2.1.4 Tadarus Al-Quran

2.1.4.1 Pelaksanaan tadarus Al-Quran di surau adalah merujuk kepada garis panduan pengoperasian surau yang sedia ada.

- 2.1.4.2 Pihak sekolah boleh melaksanakan tadarus di dalam kelas masing-masing atau melalui siaran.
  - 2.1.4.3 Waktu pelaksanaan bergantung kepada ketetapan pihak sekolah.
  - 2.1.4.4 Pelaksanaan Majlis Khatam Al-Quran perlu disesuaikan dengan amalan norma baharu serta tertakluk kepada SOP sedia ada.
- 2.1.5 Qiamullail
- 2.1.5.1 Pelaksanaan qiamullail terpakai kepada sekolah berasrama sahaja.
  - 2.1.5.2 Qiamullail boleh dilaksanakan secara bersendirian atau berjemaah dengan mematuhi garis panduan sedia ada.
  - 2.1.5.3 Pelaksanaan qiamullail di surau hendaklah merujuk kepada para 6.4 Solat Berjemaah bagi Murid/Pelajar – Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah Dalam Norma Baharu 2.0.
  - 2.1.5.4 Murid/Pelajar tidak dibenarkan untuk bermalam di surau.
  - 2.1.5.5 Qiamullail boleh dilaksanakan selewat-lewatnya 30 minit sebelum waktu imsak.
  - 2.1.5.6 Jadual solat hendaklah disediakan.
  - 2.1.5.7 Jadual bertugas pemantauan perlu disediakan.



---

**PENGURUSAN AKTIVITI BULAN RAMADAN DI  
INSTITUT PENDIDIKAN GURU DAN KOLEJ MATRIKULASI**

---

### **3.1 Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran serta Aktiviti Pelajar**

- 3.1.1 Aktiviti PdP dilaksanakan melalui kaedah hibrid.
- 3.1.2 Pelaksanaan penyelidikan/amali perlu diubah suai dengan mengambil kira pematuhan kepada garis panduan yang ditetapkan.
- 3.1.3 Semua aktiviti PdP dan peperiksaan/ujian perlu dilaksanakan mengikut jadual waktu yang ditetapkan.
- 3.1.4 Sebarang kelas tambahan pada waktu malam adalah tidak dibenarkan.
- 3.1.5 Aktiviti sukan, riadah dan aktiviti sosial sepanjang bulan Ramadan perlu merujuk kepada arahan yang sedang berkuat kuasa.

### **3.2 Pengurusan Masjid/Surau**

- 3.2.1 Jadual bertugas harian perlu disediakan dan dipamerkan.
- 3.2.2 Pelan lantai masjid/surau bagi menunjukkan laluan pergerakan terarah dan penandaan solat dipamerkan di tempat yang bersesuaian.
- 3.2.3 Air dan sabun/pensanitasi tangan disediakan di tempat yang bersesuaian.
- 3.2.4 Tempat berwuduk perlu ditanda dengan mengambil kira penjarakan fizikal.
- 3.2.5 Sejadah dan telekung tidak disediakan. Jemaah masjid/surau perlu membawa sejadah dan telekung sendiri.

- 3.2.6 Pengimbas suhu badan, kod QR MySejahtera/buku rekod kehadiran disediakan.
- 3.2.7 Jemaah perlu meninggal masjid/surau selepas selesai solat dengan kadar segera.
- 3.2.8 Permukaan yang kerap disentuh dan boleh dicapai dengan tangan perlu disanitasi dengan lebih kerap terutamanya 30 minit sebelum masuk waktu solat.
- 3.2.9 Hanya jemaah yang tidak bergejala sahaja dibenarkan memasuki masjid/surau.
- 3.2.10 Aktiviti kerohanian di masjid/surau tertakluk pada arahan pihak kerajaan dan pihak berkuasa agama negeri yang sedang berkuat kuasa.

### **3.3 Pengurusan Aktiviti Ibadah**

Semua warga IPG dan Kolej Matrikulasi perlu mematuhi perkara berikut:

#### **3.3.1 Solat Tarawih Berjemaah**

- 3.3.1.1 Solat tarawih berjemaah boleh dilaksanakan dengan mematuhi SOP, garis panduan dan arahan pihak kerajaan dan pihak berkuasa agama negeri yang sedang berkuat kuasa.
- 3.3.1.2 Solat tarawih berjemaah di masjid/surau adalah dibenarkan dengan mengambil kira penjarakan fizikal, kapasiti ruang dan keselamatan jemaah.
- 3.3.1.3 Jemaah hendaklah menggunakan sejadah dan telekung sendiri untuk solat.

- 3.3.1.4 Sekiranya ruang masjid/surau tidak dapat menampung kapasiti jemaah pada satu-satu masa, kaedah penggiliran boleh dilaksanakan.
- 3.3.1.5 Solat tarawih berjemaah perlu ringkas agar dapat memberi ruang kepada jemaah masjid/surau yang lain. Tazkirah tidak dibenarkan sepanjang pelaksanaan solat sunat tarawih.
- 3.3.1.6 Jemaah perlu segera beredar selepas selesai solat. Hanya warga IPG/Kolej Matrikulasi sahaja dibenarkan berjemaah.

### 3.3.2 Aktiviti Ihya' Ramadan (Ceramah Ramadan)

- 3.3.2.1 Aktiviti Ihya' Ramadan boleh dilaksanakan dengan mematuhi garis panduan dan arahan serta peraturan berkaitan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.
- 3.3.2.2 Penceramah hanya dibenarkan dalam kalangan warga IPG/Kolej Matrikulasi sahaja.
- 3.3.2.3 Tempat duduk jemaah ditanda dan perlu mematuhi penjarakan fizikal.
- 3.3.2.4 Jemaah perlu segera beredar selepas selesai aktiviti.

### 3.3.3 Qiamullail dan Tadarus Al-Quran

- 3.3.3.1 Qiamullail/Tadarus Al-Quran boleh dilaksanakan dengan mematuhi garis panduan dan arahan serta peraturan berkaitan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.
- 3.3.3.2 Tempat duduk jemaah ditanda dan perlu mematuhi penjarakan fizikal.

3.3.3.3 Jemaah perlu segera beredar selepas selesai Qiamullail/Tadarus Al-Quran.

3.3.3.4 Jemaah tidak dibenarkan untuk bermalam di masjid/surau.

### **3.4 Pengurusan Makanan dan Pengoperasian Kafetaria**

Semua warga IPG dan Kolej Matrikulasi perlu mematuhi perkara berikut:

#### **3.4.1 Pengoperasian Kafetaria**

3.4.1.1 Pengurusan IPG dan Kolej Matrikulasi perlu mematuhi garis panduan penyediaan makanan yang ditetapkan oleh KKM.

3.4.1.2 Pengusaha kafetaria digalakkan untuk menyediakan makanan dan minuman secara berbungkus.

3.4.1.3 Pengusaha kafetaria perlu menyediakan menu yang pelbagai.

3.4.1.4 Tempat beratur dan kedudukan tempat makan di kafetaria diletakkan penandaan bagi penjarakan fizikal.

3.4.1.5 Kiosk makanan dan minuman boleh disediakan di sekeliling kafetaria. Makanan dan minuman yang disediakan di kiosk adalah secara berbungkus.

3.4.1.6 Pelajar digalakkan membuat tempahan awal untuk mengelakkan kesesakan.

3.4.1.7 Pengusaha perlu memastikan kafetaria beroperasi pada waktu sahur.

3.4.1.8 Pelajar digalakkan makan di bilik masing-masing.

3.4.1.9 Pengusaha dan pekerja kafetaria wajib mengamalkan prinsip 3W iaitu mencuci tangan dengan air dan sabun/pensanitasi tangan (*wash*), memakai pelitup separuh muka (*wear*) dan amaran dari KKM berkonsep peringatan (*warn*) termasuk penjarakan fizikal serta tidak bersalaman/bersentuhan.

### 3.4.2 Berbuka Puasa, Moreh dan Sahur

3.4.2.1 Hanya pengusaha kafetaria dibenarkan mengendalikan penyediaan makanan berbuka puasa/moreh/sahur.

3.4.2.2 Pihak luar yang ingin menyumbang berbuka puasa/moreh/sahur perlu mendapat kebenaran pihak pengurusan IPG/ Kolej Matrikulasi.

3.4.2.3 Makanan dan minuman yang disediakan untuk berbuka puasa/moreh/sahur mestilah berbungkus.

3.4.2.4 Pelaksanaan berbuka puasa perdana tidak dibenarkan.

### 3.4.3 Bazar Ramadan

3.4.3.1 Bazar Ramadan tidak dibenarkan di premis IPG dan Kolej Matrikulasi.

3.4.3.2 Pelajar tidak dibenarkan *outing*/keluar ke bazar Ramadan yang berdekatan.

### 3.4.4 Pembelian Makanan Secara Dalam Talian

Penghantar makanan tidak dibenarkan memasuki IPG dan Kolej Matrikulasi. Serahan hanya dibenarkan di hadapan pondok keselamatan IPG dan Kolej Matrikulasi dengan mematuhi prosedur yang ditetapkan.